

03/06/2003

Rakyat Jepun nantikan ucapan orde baru Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar

LAWATAN kerja ke Jepun adalah satu kemestian setiap tahun kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kehadirannya di negara Matahari Terbit itu sentiasa dinantikan seperti kembalinya Dr Mahathir ke Umno Bahagian Kubang Pasu untuk merasmikan mesyuarat bahagian - sesuatu yang sudah dilakukannya sejak 22 tahun lalu.

Ia membuktikan rapatnya hubungan Malaysia dan Jepun serta bagaimana Perdana Menteri menilai kepentingan hubungan dua hala ini.

Tetapi lawatan kali ini lebih signifikan berbanding lawatan yang pernah

dilakukan Dr Mahathir sejak menerajui Malaysia. Landskap politik, ekonomi

dan geopolitik dunia sudah banyak berubah berbanding setahun lalu.

Kejatuhan Iraq atas tindakan unilateral Amerika Syarikat, kehilangan arah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), globalisasi yang lebih bercorak kepada penaklukan daripada meningkat kekayaan semua negara, ketegangan di Asia Barat selain krisis nuklear Korea Utara menjadikan suasana dunia hari ini dalam ketidaktentuan.

Jepun lebih bimbangkan peluru berpandu Korea Utara yang dihalakan negara

itu selain satu dekad kemurungan ekonomi di negara yang sebelum ini menjadi contoh dalam Dasar Pandang Ke Timur oleh Malaysia.

Lebih penting, ini mungkin lawatan kerja terakhir Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia ke Jepun sebelum persaraannya akhir Oktober ini.

Jadi, apa yang bakal dikatakan Dr Mahathir kali ini pasti mendapat lebih tumpuan.

Perdana Menteri memang terkenal dengan apa yang dikatakannya.

Ucapannya

sentiasa baru dan kadangkala menggoncang pendirian ramai yang hadir.

Tahun lalu, Dr Mahathir dengan berlapik menyarankan agar Jepun - ekonomi

kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat - menjadi pemimpin dan bukan dipimpin mana-mana pihak.

Perdana Menteri dalam ucaptama bertemakan 'Cabaran Jepun Dalam Dunia Globalisasi' pada seminar sempena ulang tahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur

kira-kira setahun lalu berkata:

"Sebagai orang asing dari sebuah negara kecil, adalah tidak adil bagi saya untuk memberitahu Jepun apa yang sepatutnya ia lakukan dalam usaha untuk menjadi model bagi kami.

"Saya bukan cuba untuk menasihatkan anda. Tetapi, sekarang adalah masa yang kritikal. Banyak yang anda boleh lakukan jika anda mengambil keputusan untuk tidak dipimpin tetapi sebaliknya memimpin.

"Ini adalah cabaran kepada Jepun dalam dunia globalisasi, iaitu memimpin

dan bukan dipimpin."

Untuk pemimpin sebuah negara dengan 24 juta penduduk menasihatkan

Jepun,
negara yang mempunyai simpanan asing terbesar tanpa hutang sesen pun,
kenyataan Dr Mahathir itu adalah berani.

Tetapi Perdana Menteri `terlepas' daripada sebarang kecaman termasuk
dari media negara itu yang dianggap bebas seperti di Barat.

Sebabnya ialah pendapat Dr Mahathir dihormati di Jepun. Semua tahu
Perdana Menteri menyatakan apa yang benar atau apa yang dipercayai
sebagai
kebenaran tanpa rasa takut.

Amerika sudah merasai `kebenaran' Dr Mahathir lebih kerap daripada apa
yang disukainya.

"Pengalamannya (Dr Mahathir) sebagai pemimpin ulung Asia dan idea
bernasnya sangat berharga dan perlu diberi pertimbangan serius, terutama
mengenai masa depan Asia.

"Ini lebih penting berikutan keadaan dunia selepas pencerobohan di
Iraq dan ketidaktentuan ekonomi dunia," kata Duta Jepun ke Malaysia,
Masaki Konishi, kepada Berita Harian mengulas ulasan lawatan kerja empat
hari Dr Mahathir yang bermula hari ini.

Perdana Menteri yang akan menyampaikan ucap-tama pada `Simposium
Dimensi

Asia Di Bawah Orde Baru Dunia - Perubahan Paradigma Di Asia Dan Jepun'
dijangka menyentuh orde baru dunia, terutama dengan satu hyperpower
(Amerika) dan bagaimana negara kecil lain mungkin dijadikan hamba
hyperpower ini.

Selain masalah yang membelenggu dunia, lawatan kali ini akan
menentukan
hala tuju dan bentuk kerjasama di antara Jepun dan Malaysia selepas era
Dr
Mahathir.

Masaki berkata, bidang kerjasama yang boleh diterokai kedua-dua negara
adalah besar.

"Usaha mempromosikan kerjasama ekonomi yang lengkap di antara Jepun
dan
Malaysia akan meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara,"
katanya yang percaya Jepun dan Malaysia boleh bekerjasama dalam
menggerakkan lebih jauh kerjasama Selatan-Selatan.

Beliau berkata, sebagai anggota aktif Asean + 3, Jepun dan Malaysia
boleh bekerjasama dalam pembangunan di Asia Timur.

"Menangani keganasan adalah satu lagi bidang yang kami harap kerjasama
antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan," kata Masaki.

Beliau juga memberi jaminan masalah ekonomi Jepun tidak akan
menjejaskan
hubungannya dengan Malaysia atau mana-mana negara lain.

"Walaupun situasi makroekonomi di Jepun adalah lembap sejak sedekad
lalu, Jepun masih lagi kuasa besar ekonomi. Keluaran Negara Kasar (KNK)
Jepun masih yang kedua terbesar di dunia," katanya.

Ketika ini, kata Masaki, Kerajaan Jepun sedang melaksanakan reformasi
struktur negara itu bagi menjana semula ekonominya.

"Kerajaan Jepun komited bagi mengatasi kelemahan ekonomi semasa dan
mencapai pertumbuhan yang berterusan yang didorong sektor swasta,"
katanya.

Kembalinya Jepun ke landasan pertumbuhan pantas akan memberi kesan
positif kepada ekonomi Malaysia - sesuatu yang Malaysia harap tidak akan
mengambil masa terlalu lama untuk berlaku.

Mengenai peralihan kepemimpinan di Malaysia selepas Oktober ini, Masaki berkata Jepun berharap hubungan akrab dan kuat yang dipupuk di bawah kepemimpinan Dr Mahathir akan diteruskan oleh Perdana Menteri baru kelak.

"Malaysia dan Jepun sudah menjadi rakan akrab dalam pelbagai bidang. Walaupun dengan persaraan Dr Mahathir, Jepun akan terus bekerjasama dengan Malaysia yang dianggap negara penting di Asia Tenggara," katanya.

Jaminan itu pasti melegakan ramai, terutama dalam lingkaran perniagaan yang berharap kejayaan lalu diteruskan pada masa depan.

Satu jenaka yang sering dikaitkan dengan Malaysia di Jepun ialah jika ditanya rakyatnya adakah mereka mengenali Malaysia, mereka akan menjawab tidak. Sebut nama Perdana Menteri, jawapan mereka ialah: "Yeah... Yeah..."

Dr Mahathir!"

Ia mungkin satu jenaka tetapi menunjukkan betapa dekatnya dan rasa hormat terhadap Dr Mahathir di kalangan penduduk negara Matahari Terbit ini.

Apa yang pasti, rakyat Jepun akan melihat Dr Mahathir di negara itu walaupun selepas persaraannya.